

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 29, 2019 10:54 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PELAJAR KURANG PENDENGARAN AJAR BAHASA ISYARAT



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 OKTOBER 2019 / 1 RABIULAWWAL 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Inasis Sime Darby

PELAJAR KURANG PENDENGARAN AJAR BAHASA ISYARAT



UUM ONLINE: Mahasiswa UUM menyatukan dua dunia menerusi program, "*Bless: We Are Unique!*" yang merupakan bengkel Bahasa isyarat sempena Hari Bahasa Isyarat Sedunia, di Inasis Sime Darby.

Seramai 10 pelajar Murid Berkeperluan Khas (MBK) Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok telah dijemput untuk menyertai program ini sebagai fasilitator untuk mengajar bahasa isyarat kepada kira-kira 55 mahasiswa UUM.

Pengetua INASIS Sime Darby, Dr Rohani Abdullah berkata, bengkel ini bertujuan untuk memecahkan tembok yang telah dibina sejak sekian lama dalam dunia komunikasi yang telah mewujudkan jurang yang besar antara golongan kurang pendengaran dan golongan normal.

“Bengkel ini adalah salah satu usaha dalam memartabatkan Bahasa isyarat dalam masyarakat setempat sebagaimana bahasa-bahasa asing menjadi keutamaan kepada masyarakat dalam komunikasi seharian.

“Ini kerana golongan kurang pendengaran juga layak menjalani kehidupan yang normal seperti golongan lain. Jadi, sebagai rakyat Malaysia yang berprinsipkan ‘bersatu teguh, bercerai roboh’, kita amat digalakkan untuk menguasai asas-asas bahasa isyarat dalam mewujudkan interaksi harmoni antara masyarakat.

Selain itu tambahanya, inisiatif ini mampu membina rasa hormat terhadap kekurangan dan kelebihan seseorang individu serta perasaan syukur diatas nikmat yang dikurniakan oleh-Nya.

Menurut pelajar Sarjana Muda Undang-Undang, Nurul Hazirah Che Husin, 22, dari pemerhatiannya mereka kelihatan normal, sama seperti remaja yang lain dan sukar untuk dibezakan.

“Bila mendekati mereka rupa-rupanya mereka tidak boleh bercakap dan menggunakan tangan bila berinteraksi.

“Tidak susah untuk menyesuaikan diri dengan mereka yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4 dan 5 kerana mereka mudah mesra dengan sesiapa sahaja,” ujarinya dalam program anjuran Inasis Sime Darby, UUM dengan kerjasama MBK.

Ujarnya, pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program ini dan berpeluang mengunjungi lokasi menarik sekitar UUM antaranya Taman Rusa, burung unta, Pusat Ekuin serta Puncak Vista.

Manakala Sarjana Muda Pengurusan Insuran dan Risiko, Kasthury Muthuraman teruja dapat belajar bahasa isyarat dengan pelajar yang sungguh ceria.

“Pada awalnya rasa macam susah sikit tetapi dengan bimbingan mereka yang tidak lekang dengan senyuman kami semua seronok dapat belajar sedikit sebanyak tentang bahasa isyarat.

“Apa jua perkara jika disertai dengan usaha yang berterusan pasti menjadi mudah. Koir kod tangan lagu berjudul Biru Warna lagu rasmi UUM adalah bukti kejayaan bengkel bahasa isyarat ini,” luahnya.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.